



PERSATUAN PEKERJA SOSIAL MALAYSIA (PPSM)
MALAYSIAN ASSOCIATION OF SOCIAL WORKERS (MASW)
(ROS : 1387 Selangor)

PERATURAN BERKENAAN DENGAN PERMOHONAN KEAHLIAN

4 KEAHLIAN

- i) Persatuan akan menawarkan jenis keahlian berikut:
- a) Keahlian Penuh akan dibuka kepada mereka yang memiliki kelayakan kerja sosial profesional dari universiti atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf;
 - b) Keahlian Penuh akan terbuka juga kepada graduan dalam bidang sains sosial dari sebuah universiti atau institusi pendidikan tinggi yang diiktiraf dengan pengalaman praktis yang lebih daripada lima (5) tahun dalam seting kerja sosial, tertakluk kepada kelulusan panel pengesahan yang dilantik oleh Jawatankuasa Eksekutif;
 - c) Keahlian Bersekutu akan terbuka kepada pengamal kebajikan yang tidak mempunyai sebarang kelayakan kerja sosial tetapi telah menjalankan skop peranan dan tanggungjawab kerja sosial lebih daripada lima (5) tahun;
 - d) Keahlian Pelajar akan terbuka kepada pelajar kerja sosial yang mengikuti mana-mana program pendidikan kerja sosial universiti atau institusi pendidikan tinggi yang diiktiraf;
 - e) Keahlian Sepanjang Hayat akan terbuka kepada Ahli Penuh yang telah menjadi ahli lebih daripada lima (5) tahun berterusan;
 - f) Keahlian Kehormat Sepanjang Hayat akan dianugerahkan oleh Persatuan kepada mana-mana orang yang telah memberi sumbangan yang ketara kepada profesion kerja sosial.
- ii) Semua pemohon untuk menjadi ahli hendaklah bekerja dan/atau menetap di Malaysia.
- iii) Semua permohonan keahlian hendaklah dibuat dengan melengkapkan borang yang tertentu, dan hendaklah dicadangkan dan disokong oleh seorang Ahli Penuh. Semua permohonan akan disemak dan diluluskan atas budi bicara Jawatankuasa Eksekutif.

5 HAK KEAHLIAN

- i) Ahli Penuh adalah berhak mengundi dan memegang jawatan.
- ii) Ahli Bersekutu, Pelajar dan juga Kehormat Seumur Hidup adalah berhak ke atas segala kemudahan Persatuan tetapi tidak berhak mengundi atau dipilih dalam Jawatankuasa Kerja. Mereka boleh dilantik sebagai ahli dalam Jawatankuasa Kecil Persatuan oleh Jawatankuasa Kerja dan kiranya demikian mereka berhak mengundi dalam Jawatankuasa Kecil tersebut.

REGULATIONS PERTAINING TO APPLICATIONS FOR MEMBERSHIP

4 MEMBERSHIP

- i) The Association shall offer the following types of membership:
 - a) Full Membership shall be open to those who hold a professional social work qualification from an accredited university or institution of higher education.
 - b) Full Membership shall also be open to graduates in social science from an accredited university or institution of higher education with practice experience of more than five (5) years in a social work setting, subject to the approval of a certifying panel appointed by the Executive Committee.
 - c) Associate Membership shall be open to welfare practitioners who do not hold any social work qualification but have been carrying out social work scope of roles and responsibilities for more than five (5) years.
 - d) Student Membership shall be open to social work students in any social work education programme of an accredited university or institution of higher education;
 - e) Life Membership shall be open to Full Members who have been in continuous membership for more than five (5) years.
 - f) Honorary Life Membership shall be conferred by the Association on any person who has rendered notable contributions towards the profession of social work.
- ii) All applicants applying for membership must be working and/or residing in Malaysia.
- iii) All applications for membership must be done by completing a specified form, and must be proposed and seconded by a Full Member. All applications will be vetted and approved at the discretion of the Executive Committee.

5 RIGHTS OF MEMBERS

- i) All Full Members are entitled to vote and to hold office.
- ii) Associate, Student and Honorary Life Members are entitled to the facilities provided for by the Association, but do not have the power to vote or to hold any position on the Executive Committee. They can however be co-opted into Sub-Committees by the Executive Committee and, if so, they are entitled to vote within such Sub-Committees.

Alamat : **Persatuan Pekerja Sosial Malaysia**
 Bilik 3, Tingkat 2, Bangunan SSAAS
 No. 16, Jalan Utara
 46200 Petaling Jaya
 Selangor

No. Tel : **03-7954-9379**
No. Fax : **03-7958-4981**
e-mel : **contact@masw.org.my**